

Esok masih ada sinaran

S-14 14/08/09 MS 15

Oleh Muhammad Zul Irfan

Mohd Zamri

Kolej Melayu Kuala Kangs

Guru penasihat: Azlinda Muda@Yusuf

PEMANASAN global. Jika suatu masa dulu ia sekadar satu teori dan menjadi persoalan saja, kini ia bagaikan sedang merangkak perlahan untuk menggugat manusia sejagat. Adakah masih ada sinar untuk cucu cicit kita menduduki sfera biru indah ciptaan Tuhan ini? Sejauh manakah yang anda semua tahu tentang bahaya pemanasan global?

Memetik kata-kata Pengarah Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kevin Watkins.. "It is killing silently but surely," perkara ini tidak dinafikan kebenarannya.


Pemanasan global akan memberikan implikasi yang

besar kepada dunia hari ini. Peningkatan pemanasan global yang berterusan akan membawa bencana kepada seluruh penghuni dunia.

Ais di Kutub Utara akan mula mencair dan akibat daripada ini paras laut meningkat dan kawasan rendah akan menjadi mangsanya. Bertitik tolak daripada hal ini, penduduk yang kawasan mereka ditenggelami air terpaksa menjadi pelarian dan berhijrah ke tempat lebih selamat.

Kesannya, kemiskinan menghantui masyarakat dunia hari ini. Itulah balasan bumi kepada manusia.

Tidak cukup dengan itu, kemarau panjang dan banjir besar bakal berlaku, dua perkara yang begitu ketara perbezaannya, akan tetapi atas satu punca yang sama



GERSANG: Tanah merekah akibat pemanasan bumi yang tiada kesudahan.

iaitu pemanasan global.

Perubahan suhu global dan hujan lebat ini akan menjejaskan tanaman, seterusnya sumber makanan berada pada paras yang amat rendah.

Di Malaysia, bagaimanakah padi sebagai makanan ruji negara dapat dihasilkan seki-



SUMBER KEHIDUPAN: Air di Empangan Air Itam, Pulau Pinang ini bersih dan jernih, sekali gus mencetuskan panorama indah.

baru hendak mengukuhkan akarnya dan mencambukkan pucuknya.

Apakah tiada jalan yang menyekat dan menangani pemanasan global ini?

Menuding jari kepada orang lain bukanlah satu jalan penyelesaian, sebaliknya tanggungjawab ini perlulah dipasak di dalam hati dan sanubari setiap individu.

Langkah kecil daripada setiap individu mampu memberikan perubahan yang besar kepada dunia kita pada hari ini.

Jika dulu cabarannya ialah menyedarkan manusia sejagat, akan tetapi pada hari ini, cabaran utamanya adalah untuk mewujudkan satu tindakan.

Ayuh! Janganlah kita pejamkan mata lagi, tetapi pandanglah dengan hati agar kita dapat memberikan satu sinar baru kepada generasi akan datang.



JERNIH: Sungai di Chukai, Kemaman ini sungguh bersih dan indah sehingga pokok kelapa yang ditanam di tebingnya jelas terbayang di air. Tahniyah kepada penduduk tempatan kerana menjaganya dengan baik.

SAMANTHA, TAHUN 6, SIKICI CHUKAI, KEMAMAN, TERENGGANU

TIAN JIA HUI, TAHUN 5, SIKICI CHUNG HWA CONFUSIAN, P. PINANG